

25 NOV 1999

MIC-Kempen (Fokus Berita)

MIC TINGKATKAN KEMPEN DENGAN KEJAYAAN DALAM PELBAGAI ISU UTAMA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Dengan hari mengundi semakin dekat, MIC mempertingkatkan lagi kempenya untuk menarik pengundi pada pilihan raya umum 29 Nov ini, khasnya daripada masyarakat India.

Kempen MIC kali ini akan menonjolkan pelbagai kejayaan dalam isu-isu utama membabit masyarakat itu yang menurut penganalisa politik boleh memberi tamparan hebat kepada pembangkang dan pengkritik parti itu.

Semalam, Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu serta Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek menghadiri majlis meletakkan batu asas bagi Institut Latihan Teknikal Datuk N.T.S.Arumugam Pillai, di Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Institut itu didirikan atas tanah milik Tabung India Selatan yang menjadi kontroversi ekoran keputusan kerajaan untuk membubarkan tabung itu walaupun bantahan daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (ngo) yang mewakili masyarakat India dan DAP.

Bagaimanapun, Samy Vellu yang menjadi sasaran kritikan telah memberi jaminan yang kerajaan akan menggunakan tanah itu untuk membina institut latihan kemahiran bagi pekerja-pekerja estet yang diusir dan anak-anak mereka.

Hari ini, Presiden Malaysia Hindu Sangam (MHS) A.Vaithilingam menyatakan penghargaan kepada kerajaan dan MIC kerana menunaikan janjinya untuk membina institut itu.

Satu lagi kejayaan bagi MIC ialah keputusan Kementerian Pendidikan untuk meluluskan lesen kepada parti itu bagi penubuhan sebuah kolej perubatan di Kedah.

Samy Vellu dijadualkan membuat pengumuman mengenai lesen bagi kolej perubatan itu di Sungai Siput pada sebelah petang.

Vaithilingam berkata, MHS juga menyambut baik cadangan MIC untuk menaikkan taraf hidup pekerja-pekerja estet, termasuk memberikan mereka gaji bulanan.

MIC dua minggu lepas membentangkan laporan mengenai nasib pekerja-pekerja estet dan syor-syor parti itu untuk membantu mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Vaithilingam berkata, MHS juga komited kepada MIC untuk sama-sama menyediakan hujah untuk dikemukakan kepada Kabinet mengenai kuil-kuil Hindu dengan cadangan menyelesaikan pelbagai isu mengenai kuil, termasuk peruntukan tanah bagi kuil-kuil baru dan status kuil sedia ada.

Samy Vellu memberitahu BERNAMA hari ini yang MIC kini kembali kepada masyarakat India dengan pelbagai kejayaan besar.

Beliau berkata, parti itu mahu mengulangi kejayaannya pada pilihan raya umum 1995 dengan memenangi kesemua tujuh kerusi Parlimen dan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam pilihan raya kali ini.

Kawasan-kawasan Parlimen yang akan ditandingi MIC ialah Sungai Siput, Tapah, Hulu Selangor, Kapar, Subang, Teluk Kemang dan Segamat sementara kerusi negeri ialah Ijok, Kota Raja, Sungai Tua, Hutan Melintang, Sungkai, Pasir Panjang, Pasir Gudang, Tenggara, Sabai, Jeram Padang, Si Rusa, Bukit Selambau, Lunas, Prai dan Bukit Asahan

"Kita yakin kerana kita tahu yang rakyat, khasnya masyarakat India sedar akan apa yang telah dilakukan oleh MIC dan BN untuk mereka."

Samy Vellu berkata, calon-calon parti itu bekerjasama dengan baik bersama parti-parti komponen BN lain untuk memastikan kejayaan BN.

Sebagai menaikkan moral bagi MIC dan BN, MHS berkata ia akan mengadakan

"pooja" (sembahyang) khas bagi "pilihan raya yang lancar dan aman" di Kuil Sri Subramaniam di Sungai Siput pada 7.30 petang esok.

"Sebagai penaung MHS selama lebih 20 tahun, beliau (Samy Vellu) telah banyak membawa isu-isu berhubung agama khususnya mengenai tempat-tempat ibadat untuk mereka yang beragama Hindu dan bukan Islam yang lain kepada pihak berkuasa berkaitan," kata Vaithilingam.

Beliau berkata, pilihan raya ini adalah penting bagi semua rakyat Malaysia kerana mereka perlu memutuskan sama ada negara perlu meneruskan dengan pembangunan yang berjaya, kestabilan dan keharmonian ataupun negara teokratik dengan hukum Hudud seperti yang dicadangkan oleh PAS.

"MHS mahukan pembangunan bersama kestabilan serta keharmonian dalam negara pelbagai agama ini," kata Vaithilingam yang juga Presiden Majlis Perundingan Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia.

-- BERNAMA

ES PR